

Pencapaian peperiksaan bukan lagi satu-satunya kayu ukur yang dapat menentukan kecemerlangan seseorang pelajar. Namun, masih ada banyak kepentingan peperiksaan.

Bincangkan kepentingan peperiksaan kepada pelajar.

Peperiksaan merupakan sejenis ujian untuk 1. (mengkaji / menguji) tahap pencapaian pelajar dalam menggunakan ilmu serta kebolehan mereka yang diperoleh. Sebenarnya, pencapaian peperiksaan semata-mata tidak sepatutnya menjadi 2. (tertentu / penentu) kecemerlangan seseorang pelajar. Namun, prestasi yang 3. (menunjukkan / ditunjukkan) dalam slip keputusan peperiksaan sememangnya ada kepentingannya.

Antara kepentingan peperiksaan ialah menguji tahap minda pelajar supaya sentiasa cergas 4. (berfikir / memikirkan). Hal ini demikian kerana pelajar haruslah berhati-hati ketika menjawab soalan. Keputusan peperiksaan bergantung 5. (pada / kepada) diri pelajar. Jika seseorang pelajar itu belajar tanpa perhatian yang cukup dan malas, ternyata pelajar ini akan mendapat keputusan yang tidak memuaskan.

Selain itu, peperiksaan boleh mengajar seseorang pelajar 6. (bahawa / yang) ilmu pengetahuan ialah kunci kejayaan. Peperiksaan akan memberi peluang kepada pelajar untuk menilai dan memperbaiki diri serta berjiwa tabah untuk 7. (menghadap / menghadapi) tekanan sebagai persediaan ke dunia pekerjaan.

Di samping itu, peperiksaan dapat 8. (merangsang / rangsangan) pelajar-pelajar agar belajar dan berusaha bersungguh-sungguh. Bagi pelajar yang lemah, dengan adanya peperiksaan, mereka boleh terus berusaha untuk memperbaiki 9. (keburukan / kelemahan) diri dan mencuba lagi sehingga berjaya.

Seterusnya, peperiksaan mampu 10. (mengubah / menggubah) seseorang pelajar yang tidak berakhlak dan tidak celik kepada pelajar yang dikagumi dan berakhlak 11. (rendah / tinggi) kerana melalui peperiksaan kita akan dapat mempelajari pentingnya ilmu pengetahuan.

Peperiksaan juga merupakan batu 12. (loncatan / lonjakan) yang terpenting kepada pelajar kerana peperiksaan memberi pelajar satu pentas yang membolehkan mereka untuk menunjukkan kebolehan mereka secara baik. Pelajar tidak wajar 13. (melepaskan / menggunakan) peluang keemasan ini, sebaliknya menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Hal ini adalah kerana pencapaian yang cemerlang tentu dapat 14. (mengharumkan / mencatatkan) nama negara dan nama mereka sendiri.

Konklusinya, memang tidak syak lagi bahawa terdapat banyak kebaikan peperiksaan kepada pelajar. Setiap pelajar hendaklah bijak menguruskan masa untuk belajar dan bermain agar tidak stres dan berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan. Pihak kerajaan juga haruslah memainkan peranan penting dengan menyusun sistem peperiksaan yang lebih efektif demi kebaikan para pelajar. Ibu bapa perlulah memberi galakan dan dorongan dalam mendidik anak agar mereka tidak mudah berputus asa jika 15. (menemui / menemukan) kegagalan.

Disediakan oleh hlp.edupassion@gmail.com